

PERSONALITI: KONSEP, KUNCI DAN SUMBER MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Nurul Hudani Md. Nawi¹ dan Baharudin Othman²

¹Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Universiti Malaysia Sabah

²Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Article history

Received: 2015-12-18

Received in revised form: 2016-02-15

Accepted: 2016-04-17

Abstract

The formation of highly noble morale based on Islamic law is very important in creating an ideal personality. Since every human being has different personalities and behavior, it is necessary for us to refine the issues pertaining to a various of human personality. Thus, this paper aims to discuss the concepts', key and the sources of personality based on Al-Quran and Sunnah. In reality, the lack understanding in defining the personality traits has resulted in the existence of various problems, subsequently affecting the relationship and daily interaction among people. Therefore, the ability to practice personality trait in a consistent way based on Islamic principles is a benchmark in producing of positive work values. To a greater degree, the understanding the concept of personality based on the Islamic perspective, should be able help us to lead a better in the world and be closer to Allah as the Creator of the world in our journey towards the Hereafter.

Keywords: personality, faith, Islam, ihsan

Abstrak

Pembentukan akhlak mulia sangat penting bagi mewujudkan personaliti unggul berlunaskan syariat Islam. Memandangkan setiap manusia mempunyai sifat dan tingkah laku personaliti yang berbeza, maka adalah perlu untuk kita menghalusi seterusnya meneliti isu berkaitan personaliti manusia yang pelbagai. Sehubungan itu, penulisan ini membincangkan konsep, kunci dan sumber personaliti menurut perspektif Islam. Realitinya kecetekan dan kurang pemahaman berkaitan trait personaliti sehingga menjadikannya jengkel dalam diri setiap individu telah mengakibatkan wujudnya pelbagai masalah dalam hubungan dan interaksi ke atas kehidupan manusia sehari-hari. Oleh itu, keupayaan dalam mempraktikkan trait personaliti yang konsisten berdasarkan lunas Islam adalah menjadi petanda aras pada suatu penghasilan kerja yang positif. Malah dengan memahami konsep personaliti berpandukan perspektif Islam, kita dapat menikmati kehidupan di dunia dengan lebih baik selain menjadikan hubungan dengan Allah SWT sebagai Pencipta semakin rapat, kuat dan kukuh untuk menuju ke alam akhirat yang hakiki nanti.

Kata kunci: personaliti, iman, Islam, ihsan

1.0 PENDAHULUAN

Dasar-dasar akhlak dalam Islam bukanlah sebahagian daripada sistem-sistem yang ada dalam Islam seperti sistem kerohanian, sistem sosial, sistem kekeluargaan, sistem ekonomi sistem perundangan dan sistem pemerintahan. Malah akhlak adalah satu sistem yang menaungi keseluruhan sistem-sistem tersebut. Ini bermakna semua sistem yang terdapat dalam Islam adalah didasari oleh asas-asas akhlak. Ini menepati nas-nas yang menyentuh tentang akhlak. Antaranya ialah sabda Rasullullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia atau baik.” Hadis ini menggambarkan matlamat Islam ialah untuk memupuk akhlak yang mulia pada manusia dalam menjalani kehidupan di dunia. Bahkan Rasulullah SAW mengungkap agama sebagai akhlak sebagaimana sabda baginda yang bermaksud: “Agama ialah akhlak yang baik” (Diriwayatkan oleh al-Mawarzi). Begitu juga Rasulullah SAW mengungkapkan bahawa insan yang paling baik agamanya ialah yang paling baik akhlaknya.

Dalam membincangkan isu ini, pendekatan yang dibawa oleh al-Ghazali dan Miqdad adalah berbeza. Al-Ghazali menekankan peranan akhlak yang bersifat dalaman dan Miqdad pula memfokuskan akhlak sebagai aplikasi luaran seseorang insan. Hakikatnya, kedua-dua pendekatan ini jika diintegrasikan akan menghasilkan satu takrifan akhlak yang kukuh. Ini kerana perlakuan luaran yang dipaparkan oleh insan melalui anggota tubuh badan tidak akan dinilai oleh Islam kecuali ia lahir daripada kesedaran dari dalam jiwa insan yang melakukannya. Justeru Islam tidak mengiktiraf sumbang-sumbangan kebaikan yang dilakukan oleh orang kafir sebagai amal soleh yang diberikan ganjaran syurga. Beberapa ayat al-Quran telah menyatakan hakikat ini. Antaranya ialah firman Allah yang bermaksud: ‘Amalan-amalan orang kafir adalah umpama fatamorgana yang terdapat di tanah rata yang disangka oleh orang dahaga sebagai air. Apabila dia sampai ke tempat itu dia tidak mendapatkan apa-apa’ (Qaf 50: 29), iaitu tidak ada ganjaran bagi amal kebaikan yang dilakukan oleh orang kafir yang tidak mempunyai asas dalaman yang baik ketika melakukan kebaikan dengan anggota badan lahiriah.

Oleh kerana personaliti telah diertikan sebagai akhlak, dan akhlak merangkumi asas dalaman dan paparan perlakuan luaran, maka natijahnya ialah personaliti di dalam Islam juga merangkumi kedua-dua aspek tersebut. Ada personaliti yang berciri dalaman dan ada personaliti yang berciri luaran. Personaliti yang berciri luaran juga akan kembali kepada personaliti berciri dalaman. Ini kerana personaliti dalaman adalah asas kepada paparan personaliti luaran yang dapat disaksikan oleh pencegah.

Sejak dulu lagi, ramai orang sudah memperkatakan berkaitan pemilihan trait-trait personaliti dalam diri manusia. Hal ini dibuktikan melalui perbincangan para sarjana khususnya dalam kalangan sarjana psikologi barat. Misalnya Sigmund Freud menghuraikan personaliti sebagai suatu yang didorong oleh desakan-desakan dari alam tidak sedar manusia yang secara umumnya memfokuskan kepada pandangan negatif tentang personaliti manusia. Berbeza dengan Carl Jung yang menegaskan isu personaliti sebenarnya turut mempunyai motif dan semangat yang positif manakala Albert Bandura pula menghuraikan personaliti adalah terhasil dan berkembang melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang di sekeliling dan persekitaran.

Secara umumnya, personaliti merujuk kepada satu set karakter tertentu yang ada dalam diri manusia atau diistilahkan juga sebagai pola-pola tingkah laku manusia. Realitinya kita tidak dapat melihat personaliti, namun kita dapat melihat tingkah laku seseorang. Tingkah laku tersebut merupakan sebahagian sistem yang menghasilkan personaliti seseorang individu. Dengan memahami personaliti diri dengan cara yang betul, kita dapat menikmati kehidupan di dunia dengan baik dan berkualiti. Malah, pembinaan personaliti yang hebat dan cemerlang di dunia dan akhirat telah digambarkan melalui pelakuan Rasulullah SAW, para sahabat dan ahli keluarga baginda. Dalam konteks perbincangan yang lepas, amat sedikit ilmuwan sarjana Islam yang cuba mengupas konsep personaliti menurut perspektif Islam. Oleh itu, objektif penulisan ini bertujuan untuk membahaskan konsep personaliti menurut perspektif Islam yang amat sesuai sebagai landasan dalam pembentukan personaliti mulia.

2.0 DEFINISI KONSEP PERSONALITI SECARA UMUM

Dari perspektif Islam, personaliti dimaksudkan sebagai sahsiah ataupun secara umumnya disebut akhlak. Ia merujuk kepada trait yang mencirikan peribadi seseorang individu. Perkataan akhlak berasal daripada kelimah bahasa Arab; kata akarnya ialah *khuluq* yang bermaksud perangai atau tingkah laku iaitu akhlak seseorang terhadap Allah, diri sendiri, suami, isteri, anak-anak, keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan alam seluruhnya yang dipaparkan ketika berlaku interaksi antara kedua belah pihak (al-Hasyimi, 1981). Ia juga merujuk kepada keimanan seseorang individu. Hal ini selaras dengan sabda Rasullullah SAW yang menghuraikan bahawa kesempurnaan keimanan seseorang adalah berkait rapat dengan pembentukan akhlak yang baik. Sabda Rasullullah SAW yang bermaksud: “Orang yang paling sempurna keimanannya ialah orang yang paling baik akhlaknya” (Riwayat Abu Dawud, Ahmad dan At-Tirmizi).

Dalam Islam, pembentukan akhlak adalah sangat penting dan menjadi asas bagi penghasilan personaliti yang kukuh berlandaskan syariat yang digariskan dalam Islam. Akhlak dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu akhlak terpuji dan akhlak tercela. Individu yang berakhlak terpuji adalah manusia yang melakukan kebaikan dan menyerah diri secara penuh kepada Allah SWT. Menurut Yalchin (dlm Ahmad , 1998), akhlak merupakan prinsip dan dasar pendekatan yang diambil daripada wahyu bagi menyusun perlakuan individu, membatasi dan membina hubungan dengan makhluk lain sehingga mencapai matlamat kewujudannya di dunia ini secara sempurna. Al-Ghazali pula mendefinisikan akhlak sebagai "satu gambaran yang menunjukkan keadaan diri yang sebatи sehingga dapat melahirkan tingkah laku yang mudah dicerna tanpa memerlukan pengulangan" (Ghazali, 1966). Sifat dan gambaran batin yang indah serta kelakuan mulia yang perlu dilahirkan ini tidak bersifat subjektif. Dalam Islam, sifat dan gambaran ini ditentukan secara mutlak oleh Penciptanya, iaitu Allah SWT. Di samping itu, keistimewaan akhlak dalam Islam boleh dilihat dari sudut prinsip atau dasarnya. Sehubungan itu, akhlak merupakan agenda terpenting dalam kehidupan umat manusia sehingga meletakkan isu ini sebagai antara bidang yang perlu diperhalusi sebaik mungkin. Sebagai contoh salah satu prinsip dan dasar akhlak dalam Islam ialah *al-Izzam*, yakni akhlak dalam Islam yang ditentukan oleh Allah dengan berdasarkan wahyu Ilahi bersesuaian dengan fitrah manusia. Oleh sebab itu, akhlak dalam Islam bersifat lengkap dan sempurna kerana ianya disampaikan dan dihuraikan dengan baik oleh Rasullullah SAW yang mengandungi tatacara akhlak yang *mahmudah*, cara untuk mendapatkan akhlak mulia serta cara untuk membuang akhlak yang keji. Selain itu, dasar akhlak Islam adalah syumul yakni bersifat menyeluruh kerana kupasannya merangkumi setiap aspek kehidupan manusia seperti aspek politik, ekonomi, sosial, perundangan, pentadbiran dan pendidikan. Kesyumulan akhlak Islam dapat ditunjukkan melalui isi kandungan dan amalannya sesuai untuk digunakan dan diamalkan pada bila-bila masa sahaja sejak dari al-Quran diturunkan hingga ke hari kiamat. Ini dibuktikan dengan isi kandungan pengajarannya yang tidak terbatas pada masa-masa tertentu kerana syariat yang dibawa Rasulullah SAW adalah untuk seluruh alam. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran yang bemaksud: “Dan tidak Kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk sekalian alam” (al-Anbiya’ 21:107).

Sarjana-sarjana Islam melihat perspektif baru dalam psikologi di bawah pengaruh al-Quran dan hadis boleh mengisi lompong kekosongan dan mempengaruhi perubahan sosial untuk kebaikan manusia dan masyarakat. Akhlak merangkumi dua dimensi utama manusia iaitu zahir dan batin. Individu yang mempunyai akhlak zahir dapat dilihat dan diukur dengan mata kasar manakala akhlak batin adalah sesuatu yang tersirat dan hanya akan terpancar melalui perbuatan lahiriah. Oleh kerana itu Islam telah memberi penekanan penting pada kedua-dua akhlak tersebut yang bersesuaian dengan konsep kejadian manusia itu sendiri yang terdiri daripada unsur rohani dan jasmani.

Model pendidikan akhlak Islam telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW daripada sekecil-kecil perkara sehingga kepada perkara-perkara besar. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW pernah melihat seorang lelaki bermain-main dengan janggutnya dalam solat lalu bersabda “Andainya hati lelaki itu khusyuk, tentu seluruh anggotanya turut khusyuk”. Ini menunjukkan perkaitan antara unsur zahir dan batin manusia, sekali gus menjelaskan amalan-amalan Islam yang lain juga turut terlibat dalam kedua-dua unsur ini. Huraian perbincangan ini juga telah meletakkan akhlak zahir dan batin secara serentak yang

mana akhlak keji berakar umbi daripada hati yang rosak atau pun hati yang mempunyai penyakit. Nabi Muhammad SAW ada bersabda, “Di dalam rongga anak Adam itu terdapat seketul daging. Sekiranya daging itu baik, maka baiklah seluruh jasadnya. Sekiranya buruk daging itu, maka buruk jugalah jasadnya. Maka ketahuilah bahawa daging itu adalah hati”. Hadis ini menceritakan bahawa akhlak keji berpunca daripada hati manusia itu sendiri. Antara akhlak-akhlak keji yang terdapat dalam hati manusia adalah seperti bakhil, tamak pada harta benda, berlagak sompong, riak, suka bermegah-megah, hasad dengki, berniat jahat, lupa kepada Allah, dan gelisah. Kesimpulannya, akhlak keji adalah disebabkan oleh nafsu yang terdapat dalam hati manusia. Perkara ini ada disebut dalam Al-Quran yang bermaksud:

Dalam hati-hati mereka ada penyakit, maka Tuhan tambahkan penyakit kepada mereka dan bagi mereka siksaan yang pedih dengan sebab mereka berdusta.

(al-Baqarah 2: 10)

Personaliti menurut perspektif Islam turut dibincangkan oleh Imam Al-Ghazali yang membahagikan personaliti kepada dua konsep iaitu perkembangan personaliti dan juga iman. Menurut beliau perkembangan personaliti individu itu pula terbahagi kepada dua tahap iaitu, zaman kanak-kanak dan zaman dewasa (Al-Ghazali, 1966).

Pada zaman kanak-kanak, cara didikan dan asuhan yang dimainkan oleh ibu bapa merupakan faktor yang penting bagi setiap individu dari segi perkembangan personalitinya. Menurut pandangan Islam kanak-kanak merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang telah diberi oleh Allah SWT kepada setiap ibu bapa. Oleh sebab itu, peranan dan tanggungjawab yang terpenting bagi setiap ibu bapa ialah memberi pendidikan dan asuhan yang secukupnya kepada anak-anak mereka. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya tiada ada pemberian yang paling berharga daripada seorang bapa kepada anaknya selain daripada pendidikan asuhan dan akhlak yang mulia”.

(Riwayat Bukhari)

Menurut Imam Al-Ghazali melalui proses sosialisasi (tarbiyyah) seorang kanak-kanak itu akan dapat mencapai “tamyiz”. Seterusnya peringkat kedua pula berkenaan dengan perkembangan personaliti bagi peringkat dewasa. Peringkat ini merupakan satu peringkat yang merujuk kepada tanggungjawab dan peranan seseorang individu itu terletak di bahu mereka sendiri kerana setiap individu itu akan bertanggungjawab di atas setiap perbuatan dan tingkah laku mereka sendiri, yang dikenali sebagai peringkat ‘taklif’. Tanggungjawab ini diserahkan secara penuh kepada diri sendiri untuk menentukan pengakhiran keputusan yang dibuat memandangkan kita merupakan hamba Allah yang dicipta mempunyai kebolehan untuk berfikir.

Satu lagi konsep yang dibincangkan oleh Imam Al-Ghazali dalam perspektif personaliti Islam ialah konsep iman. Tahap iman seseorang individu itu dipengaruhi oleh jenis personaliti yang dimiliki oleh seseorang individu tersebut. Tahap iman seseorang itu boleh bertambah dan juga berkurangan berdasarkan jenis-jenis nafsu yang ada padanya. Dalam Islam, nafsu dibahagikan kepada empat iaitu nafs ammarah, nafs mulhamah, nafs lawwamah dan juga nafs mutma’innah. Konsep ini adalah sama sebagaimana yang diperkenalkan oleh sarjana psikologi barat iaitu Freud yang membahagikan struktur personaliti kepada id, ego dan super ego.

Pertama ialah “al-ammarah” iaitu nafsu yang padanya hanya ada kejahatan dan tidak ada sedikit pun unsur-unsur kebaikan. Sekiranya nafsu ini ada dalam jiwa seseorang manusia, maka manusia itu akan menjadi seorang yang kejam, zalim, penjenayah, pemabuk, penzina, penjudi dan lain-lain. Tabiat hati pada peringkat ini sentiasa terdedah kepada godaan hawa nafsu dan syaitan. Nafsu ini sentiasa menyuruh manusia melakukan kejahatan sama ada dia tahu perbuatan itu jahat atau baik. Golongan ini tidak sekali-kali akan merasa menyesal atas perbuatan jahat itu. Malah, mereka merasa puas, lega dan gembira. Antara contoh-contoh nafsu ini adalah bakhil, tamak dan sukakan harta dunia, sompong dan bongkak, inginkan kemegahan, nama dan kemasyhuran, hasad dengki, khianat dan berniat jahat serta melengah-lengahkan

akan suruhan Allah. Nafsu ini adalah serendah-rendah darjah nafsu dalam perbincangan dunia tasawuf. Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran yang bemaksud:

Sesungguhnya nafsu itu sentiasa mendorong untuk melakukan kejahanan.

(Yusuf 12: 53)

Kedua ialah “*al-mulhamah*” iaitu nafsu yang mengandungi kejahanan dan kebaikan. Walau bagaimana pun nafsu yang jahat itu lebih banyak daripada nafsu yang baik. Nafsu ini adalah nafsu yang sudah menerima beberapa latihan semasa proses penyucian hati. Antara sifat-sifat yang terhasil seperti tidak sayangkan harta, bersyukur, berilmu, merendah diri, taubat yang hakiki, penyabar dan reda atas kesusahan.

Manakala nafsu yang ketiga ialah “*al-lawwamah*” iaitu nafsu yang mengandungi kebaikan dan kejahanan. Di sini, nafsu yang baik melebihi daripada nafsu yang jahat. Nafsu ini adalah nafsu yang selalu mengkritik diri sendiri apabila berlaku kejahanan ataupun dosa pada dirinya. Dia hanya mencela dirinya apabila merasa tidak puas hati terhadap diri sendiri yang telah melakukan kejahanan. Walau pun kadang kala dia tidak terlepas daripada melakukan dosa tetapi dia segera beristighfar kepada Allah SWT serta menyesali kesalahan yang telah dilakukan.

Keempat adalah “*al-mutmainnah*” iaitu nafsu yang mengandungi kebaikan sahaja. Individu yang memiliki nafsu ini adalah golongan yang terus masuk ke syurga tanpa melalui sebarang penyijsaan. Nafsu ini merujuk kepada nafsu yang bersih dan suci sehingga mencapai tahap kejernihan yang teguh. Apabila nafsu itu teguh dan tetap dalam proses mencapai makrifat, maka terbinalah sifat-sifat terpuji dan terhakislah sifat-sifat tercela. Antara sifat-sifat yang muncul dalam nafsu ini adalah murah hati dan suka bersedekah, tawakal, arif, bijaksana, kuat beribadah, bersyukur, redha di atas segala yang berlaku dan bertakwa. Namun begitu, tanda-tanda keramat yang luar biasa tidak semestinya terzahir pada mereka yang mencapai martabat ini. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

Hai jiwa yang tenang. Kembali kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya.
Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hamba Ku dan masuklah ke dalam syurga.

(al-Fajr 89 : 27-30)

3.0 KUNCI PERSONALITI DALAM ISLAM

Menurut Ataullah Siddiqui (1997), terdapat empat aspek yang digariskan oleh al-Quran dan hadis dalam memahami konsep akhlak iaitu iman, Islam, takwa dan ihsan seterusnya dihubungkaitkan dengan personaliti dalam Islam.

Iman

Iman berasal daripada perkataan bahasa Arab yang kata akarnya ialah a-ma-na yakni "berada dalam iman" atau "berada dalam selamat". Manakala iman pula membawa maksud kepercayaan, tunduk dan patuh, pengakuan hati dan lidah beserta dengan amalan anggota badan. Sebagai contoh, apabila seseorang individu beriman dan percaya akan kewujudan Allah SWT, dia akan tunduk dan patuh pada segala suruhan-Nya sama ada melalui hati atau ucapannya. Kepatuhan ini pula disertai dengan perbuatan semua anggota badan seperti solat, puasa, menunaikan haji, sedekah dan berzikir.

Dalam Islam, terdapat enam perkara wajib yang harus dipercayai yang dikenali sebagai Rukun Iman yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadis. Enam Rukun Iman adalah percaya kepada Allah SWT melalui dalil-dalil kewujudan dan kebesaran-Nya. Kedua, percaya kepada malaikat iaitu mempercayai makhluk ciptaan Allah SWT di alam ghaib. Ketiga, percaya kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah SWT melalui para nabi dan rasul. Kitab-kitab tersebut adalah seperti al-Quran (Nabi Muhammad SAW), Injil (Nabi Isa), Taurat (Nabi Musa) dan Zabur (Nabi Daud). Dalam kitab-kitab tersebut terdapat perkara yang disuruh dan dilarang serta perkara baik dan buruk. Keempat, percaya kepada para nabi dan rasul. Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul untuk menyampaikan risalah-Nya kepada semua umat manusia

serta memberi panduan dan bimbingan ke arah jalan yang benar. Kelima, percaya kepada hari kiamat yakni semua manusia akan dibangkitkan pada hari kiamat bagi menempuh hidup berkekalan di hari kiamat kelak. Berikutan dengan itu, wajib juga diimani hari pembalasan iaitu adanya pahala dan dosa serta syurga dan neraka. Akhir sekali, rukun keenam iaitu percaya kepada qada' dan qadar Allah SWT yakni ketentuan Allah yang mesti diterima dengan sepenuh hati bagi pengurusan kesinambungan dan kemakmuran alam semesta ini.

Apabila manusia beriman kepada Allah dengan enam rukun yang dibincangkan di atas, dia terdorong untuk melahirkan amalan dan tingkah laku yang bersesuaian dengan keimanan tersebut. Ini dipanggil juga personaliti menurut Islam. Sebagai contoh, dia beriman kepada hari pembalasan yang mempercayai bahawa amalan baik pasti diberi pahala manakala amalan buruk atau jahat pasti mendapat dosa. Dengan itu, perbuatan baik perlu diamalkan dan perbuatan jahat perlu dijauhkan. Nabi Muhammad SAW ada menjelaskan pengertian iman melalui amalan dalam sabda baginda yang bermaksud:

Iman terbahagi kepada lebih enam puluh bahagian, yang paling tinggi ialah mengucap la Ilaha Illallah (tiada Tuhan melaikan Allah) dan yang paling rendah ialah membuang perkara-perkara yang boleh menyakitkan orang di jalan.

(Riwayat Muslim)

Islam

Perkataan Islam berasal daripada bahasa Arab yang kata akarnya *sa-la-ma* yakni tulen dan suci daripada sebarang kecacatan zahir dan batin, damai, aman dan sejahtera, taat dan menyerah. Dari segi istilah pula, Islam bermaksud mentauhidkan Allah SWT patuh, tunduk dan jujur kepada-Nya serta beriman dengan ajaran-Nya yang dibawa menerusi Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana dalam al-Quran yang bermaksud: "Dan sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam" (Ali Imran 3: 19).

Islam bukan agama yang hanya menyentuh soal ritual semata-mata seperti solat, puasa, zakat dan beribadat di masjid sahaja bahkan Islam adalah merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Malah, dalam setiap aspek kehidupan, soal akhlak atau etika juga sangat ditekankan. Sebagai contoh, aspek-aspek seperti sosial, ekonomi, politik, perundangan dan lain-lain juga ada akhlaknya. Tegasnya, dalam Islam tiada satu perkara pun terlepas pandang untuk dijelaskan dalam Islam. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: "Tiada kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini" (al-An'am 6: 38).

Takwa

Taqwa berasal daripada perkataan bahasa Arab yang kata akarnya bermakna memelihara atau melindungi. Menurut istilah syarak, takwa merujuk kepada memelihara diri daripada bahaya atau keburukan serta menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Islam seperti berbohong, membunuh, mencuri rasuah dan fitnah. Ia juga merupakan dorongan kepada manusia untuk melakukan perkara yang berakhlek dan menepati garis yang ditetapkan oleh Islam. Seseorang individu yang bertakwa adalah manusia yang berusaha untuk memelihara dirinya daripada melakukan perkara yang dimurka Allah SWT dan ketaatan ini pasti dibalas dengan pahala.

Oleh itu, perkara yang menjadi ukuran kemuliaan seseorang individu ialah sifat takwanya bukan darjah, pangkat, keturunan, kekayaan atau pun bangsa. Kesemua sifat ini akan membentuk personaliti seseorang individu berdasarkan ketakwaan yang dimilikinya. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa." (al-Hujurat 49: 13).

Hal ini bermakna, walau pun seseorang individu mempunyai darjah yang tinggi, berketurunan mulia, berpangkat dan disanjungi oleh semua, sedangkan sifat takwanya adalah lemah, individu ini tidak dipandang mulia di sisi Allah SWT. Sebaliknya, walau pun seseorang individu itu miskin, tidak mempunyai pangkat, tidak ada harta tetapi oleh kerana sifat takwanya kukuh dan kuat, dia dipandang mulia di sisi Allah SWT. Oleh itu, sifat takwa dilihat berperanan penting dalam membentuk peribadi dan akhlak tanpa mengira bangsa, kaum dan keturunan.

Ihsan

Ihsan, menurut istilah bahasa adalah sesuai, cantik, tersusun dan sesuatu yang baik. Manakala menurut istilah syarak pula, ihsan bermakna memperelokkan perbuatan zahir dengan ibadah dan perbuatan batin dengan keikhlasan. Konsep ihsan dilihat sebagai kemuncak akhlak dalam Islam. Inti pati sifat ihsan pula ialah kecintaan kepada Allah SWT. Ini selaras dengan ayat dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan barang siapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh (al-Quran).

(Luqman 31: 22)

Apabila seseorang individu mempunyai sifat ihsan atau kecintaan yang ikhlas kepada Allah SWT, dia akan melakukan perkara yang disuruh serta mengelakkan diri daripada perkara yang dilarang. Ihsan juga dapat memberi kesedaran dan keinsafan bahawa apa sahaja yang dilakukannya dapat dilihat oleh Allah SWT. Sebagai contoh, seseorang individu yang berpuasa di bulan Ramadhan, walau pun dia berada bersendirian, dia tidak akan mencuri-curi makan atau minum kerana menyedari bahawa Allah SWT melihat apa yang dilakukannya. Oleh itu, sifat ihsan dapat mengawal akhlak dan peribadi berlandaskan ajaran agama Islam.

4.0 SUMBER PERSONALITI DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Semua aspek kehidupan manusia adalah berasaskan kepada dua sumber utama yang tidak boleh diperbahaskan lagi iaitu al-Quran dan hadis. Begitu juga dengan personaliti dan akhlak dalam Islam kerana kedua-duanya dapat memberikan panduan yang jelas, kemas dan mantap untuk membina serta membentuk akhlak mengikut acuan Islam. Penjelasan bagi al-Quran dan hadis adalah seperti berikut:

Al-Quran

Al-Quran merujuk kepada Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW menerusi malaikat Jibrail secara berperingkat dalam bahasa Arab dan dengan membacanya dianggap sebagai ibadah. Apabila diteliti pada kandungan al-Quran, terdapat 1,504 ayat yang berkaitan dengan akhlak. Secara umumnya, hampir $\frac{1}{4}$ daripada ayat al-Quran menyentuh secara langsung soal etika atau akhlak yang dapat dikaitkan dengan personaliti. Isi kandungan dalam al-Quran juga ada membicarakan kaedah dan pendekatan yang menyeluruh untuk membentuk akhlak manusia sejagat. Sebagai contoh, *uswah hasanah* atau contoh teladan yang baik memaparkan contoh akhlak yang mulia dan terpuji para nabi dan rasul agar menjadi panduan umat manusia. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh sifat peribadi atau akhlak para rasul yang maksum; yakni terpelihara daripada perbuatan keji dan mungkar. Rasullullah SAW sendiri dipanggil sebagai *al-Amin* (yang jujur) oleh para pembesar dan umat Arab Jahiliyyah (sebelum Islam) kerana sifat kejujurannya. Oleh kerana itu, sifat mulia ini seharusnya dijadikan contoh dan diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan manusia.

Pendekatan pengajaran dan nasihat juga ada disebut dalam al-Quran untuk mendidik manusia ke arah kebenaran, kebaikan dan kesabaran sehingga dapat membangkitkan kesedaran dan keyakinan kepada ajaran Islam. Sebagai contoh, al-Quran mengajar manusia berlemah lembut dalam pertuturan, berlaku adil walau pun melibatkan bangsa, agama, keturunan dan warna kulit yang berlainan, berbuat baik kepada ibu bapa serta menghormati hak orang lain. Konsep ganjaran dan dendaan; yakni pahala dan dosa merupakan satu lagi pendekatan yang digunakan bertujuan untuk memberi peringatan kepada manusia agar mengikuti garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Pendekatan ini dapat membantu manusia dalam menentukan arah tuju tingkah laku yang sekali gus memotivasi kanya untuk melakukan perkara yang berakhlaq. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki atau perempuan sedang ia beriman maka mereka itu akan dimasukkan ke dalam syurga dan mereka tiada teraniaya sedikit pun.

(al-Nisa' 4: 124)

Jelas bahawa al-Quran merupakan sumber utama dalam memberi panduan berkenaan nilai baik dan buruk sesuatu perkara. Manusia diberi anugerah yang besar iaitu akal supaya dapat menilai dan meneliti secara rasional, seterusnya mengamalkan ajaran al-Quran agar kehidupan mereka tidak lari daripada nilai murni demi kehidupan yang lebih sejahtera.

Hadis

Hadis merupakan sumber kedua selepas al-Quran dalam pengambilan ilmu akhlak Islam. Ia merujuk kepada segala perkara yang disandarkan kepada perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad SAW. Walau pun hadis datang daripada Rasullullah SAW, kewujudannya bukan daripada baginda tetapi merupakan sesuatu yang diwahyukan oleh Allah SWT sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Katakanlah: Aku bukan rasul yang pertama antara rasul-rasul dan aku tidak mengetahui apa yang akan diperbuat terhadapku dan tidak (pula) terhadap mu. Aku tidak lain hanyalah mengikut apa-apa yang diwahyukan kepadaku dan aku tidak lain hanyalah pemberi peringatan yang menjelaskan.”

(al-Ahqaf 46: 9)

Takrif hadis ialah apa-apa yang lahir daripada perkataan, perbuatan dan pangakuan serta disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW (Asmawi, 2003). Oleh itu, hadis boleh dibahagikan kepada tiga iaitu perkataan, perbuatan dan pengakuan. Hadis yang lahir daripada perkataan ialah apa sahaja yang diucapkan oleh Rasullullah dengan lidah baginda. Sabda Rasullullah SAW yang bermaksud :

Orang mukmin yang sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya (budi pekerti)

(Riwayat Tirmizi)

Tanda-tanda orang munafik itu tiga; apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkirnya dan apabila diberi amanah dia khianati.

(Muttafaq ‘Alayh)

Hadis yang lahir daripada perbuatan merujuk kepada semua perkara yang dilakukan oleh Rasulullah SAW atas dasar kerasulan baginda. Hadis ini merangkumi gerak-geri, tingkah laku, perbuatan dan akhlak Rasullullah seperti sifat peribadi baginda yang jujur, bertolak ansur, pemaaf, sabar, penyayang dan adil. Bagi hadis pengakuan pula adalah yang bersandarkan kepada pengakuan atau persetujuan baginda. Contohnya apabila para sahabat melakukan sesuatu perkara, baginda tidak menegur atau menghalangnya. Misalnya ketika melihat para sahabat memakan daging *dab* (biawak pasir) baginda tidak menegur atau menghalang perbuatan itu. Justeru, dalam etika pemakanan daging *dab* adalah boleh dimakan. Hakikatnya, hadis dapat memperelokkan dan memperjelaskan lagi apa yang ada dalam al-Quran. Oleh itu, apabila diteliti, hadis-hadis ini sangat menitik beratkan perkara yang menyentuh hal-hak akhlak, kehidupan bermasyarkat dengan pendidikan akhlak yang mulia dan cara hubungan sesama manusia.

5.0 PENUTUP

Pemilikan trait personaliti menerangkan kualiti-kualiti positif individu yang menyumbang kepada pemantapan dalam pelaksanaan kerja pada alaf baru seiring dengan cabaran-cabaran semasa. Dalam hal ini, jika mahu berjaya atau gagal dalam membina personaliti diri, ia sebenarnya bergantung pada diri sendiri. Kita sendiri yang membuat pilihan terhadap diri kita. Pilihan itu dipulangkan semula kepada kita sebagai makhluk Allah yang boleh berfikir. Secara umumnya, setiap individu normal memerlukan trait personaliti yang positif dan konsisten di sepanjang menjalankan urusan pekerjaan kerana mereka akan mewakili organisasi masing-masing sama ada dalam berinteraksi dengan pekerja mahu pun orang awam dan masyarakat. Hal ini secara langsung memainkan peranan dalam membentuk moral dan nilai-nilai positif. Dengan mempunyai kualiti personaliti yang baik ia akan membawa kepada suatu amalan perkhidmatan kerja yang produktif dan seterusnya menyumbang ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Rujukan

- Al-Ghazali. (1966). *Ajaran-ajaran Akhlak*. Surabaya: Penerbit Al-Ikhlas.
- Ab. Alim Abdul Rahim. (1994). *Pengantar Psikologi bilazim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Malaysia Putra.
- Abdul Razak Ibrahim & Ainin Sulaiman. (2000). *Gelagat Organisasi*.(ed.8). Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. M.A.(2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah : Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Ahmad Mohd Salleh. (1998). *Pendidikan Islam : Dinamika Guru*.Jilid II. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Allport, G.W. (1961). *Pattern and Growth in Personality*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Allport, G.W. (1961). Traits Revisited. *America Psychologist*. 21 (January), 1-110.
- Amir Awang. (1983). *Memilih Pekerjaan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Artwater, E. (1994). *Psychology for Living: Adjustment, Growth and Behavior Today*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Asmawati Desa. (1997). *Psikologi untuk Golongan Profesional*. Bangi: Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawi Haji Hassan. (2003). *Ilmu Hadith sebagai Sumber Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura , A. & Walters, R.H. (1963). *Social Learning & Personality Development*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bee, Helen. (1994). *Lifespan Development*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Cattell, R.B & Nesselroade, J.R. (1968). Note on Analyzing Personality Relationship in Married Couples. *Psychological Reports*. 22, 381-382.
- Coopersmith, S.C. (1959). A method for determining type of self –esteem. *Journal of Abnormal and social psychology*, 87-94.
- Covey, S.R. (1992). *Principle-Centred Leadership*. New York: Simon Schuster
- Eastwood Atwater. (1994). *Psychology for Living: Adjustment, Growth and Behavior Today*. New Jersey : Prentice-Hall
- Ee Ah Meng. (1996). *Psikologi Pendidikan I : Psikologi Perkembangan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Eysenck, H.J .(1967). *The Biological Basis of Personality*. Springfield II; Charles C. Thomas.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halonen, J. S., Santrock, J.W. (1996). *Psychology Contexts of Behavior*. Chicago: Brown & Benchmark Publishers.
- Hergenhahn, B.R. & Olson, M.H. (1999). *An Introduction to Theories of Personality*. New Jersey: Prentice Hall.
- Hurlock, E. B. (1975). *Developmental Psychology*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Jas Laile Suzana Jaafar.(1996). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jan, F. 1989. *Abnormal Psychology and Modern Life*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Jerry Phares. (1991). *Introduction to Personality*. (3rd ed.). New York: Harper Collins Publishers.

- John, K.S. (1979). *Secret of Behavior*. New York: Harper Collins Publishers.
- Kagan, J. (1958). The Concept of Identification. *Psychological Review*. 65, 296-305.
- Kamal Abd. Manaf. (1996). *Manusia dan Personaliti Membentuk Insan yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Utusan Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Kant, J.H. (1993). Mental Disorders. *Microsoft Encarta (Microsoft Corporation)*. Funk & Wagnall's Corporation.
- Kasschau, R. A. (1995). *Understanding Psychology*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Letton, L. A. (1994). *Psychology*. Boston : Allyn & Bacon.
- Luciano L'Abate. (1994). *A Theory of Personality Development*. New York: John Wiley & Son Inc.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A.H. (1968). *Towards a Psychology of Being*. New York: D.Van Nostrand Company.
- Ma'ruf Redzuan & Haslinda Abdullah. (2002). *Psikologi*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn .Bhd
- McKim, W.A. (1991). *An Introduction to Abnormal Psychology*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Menninger, K.A. (1930). *The Human Mind*. New York: Alfred A Knopf.
- Mischel, W.(1981). *Introduction to Personality* (3rd ed.). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Mohamed Hatta Shaharom, Mohd. Amin Mohd. Sharif dan Abdul Hamid Abdul Rahman. (1996). *Psikologi perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morris, C.G. (1993). *Psychology: An Introduction*. (8th ed.). Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Papalia, D.E.,Wendkos Olds, S. (1995). *Human Development*.(6th ed.). New York: McGraw-Hill, Inc.
- Paul, C.H. dan Nash, J.E. (1987). *Understanding Abnormal Behavior*. London: McGraw.
- Philipchalk, R.P., Mc Connell, J.V. (1994). *Understanding Human Behavior* (8th ed). Winston: Harcourt Brace College Publishers.
- Robert J. S., & Ruzgis.P. (1994). *Personality and Intelligence*. New York: Cambridge University Press.
- Rohizani. Yaakub (2007).*Teori Personaliti dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn .Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsaqoff. (1992). *Psikologi Pendidikan I: Konsep-konsep Asas Psikologi, Psikologi Pendidikan dan Psikologi Perkembangan*. Petaling Jaya: Longman.
- Sheldon, W.H. (1942). *The Varieties of Temperament: A Psychology of Constitution and Differences*. New York: Haper & Row.
- Sidek Mohd Noah. (1998). *Pengujian dalam Psikologi dan Kaunseling untuk Pelajar Psikologi dan Kaunseling*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Skinner, B.F. (1953). *Science and Human Behaviour*. New York: Free Press.
- Smith, P.B. dan Bond, M.H. (1993). *Social Psychology across Cultures: Analysis and Perspectives*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Zimbardo, P.G. (1993). *Psychology and Life*. New York: Harper Collins Publisher.